

# Penginternasionalan Bahasa Melayu Oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Di China, Thailand Dan Singapura

**Prof.Madya Dr.Ab.Razak Ab.Karim**

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

[abrazak@um.edu.my](mailto:abrazak@um.edu.my)

[drz.jambul@gmail.com](mailto:drz.jambul@gmail.com)

## ABSTRAK

Bahasa Melayu menurut catatan sejarah telah digunakan oleh masyarakat di rantau ini sejak abad ke-7 lagi berasaskan penemuan prasasti batu bersurat di Talang Tuwo, Kedukan Bukit, Kota Kapur, dan Karang Brahi di Sumatera. Sejak itu bahasa Melayu mula berkembang dan pada abad ke-14 hingga abad ke-19 bahasa Melayu klasik telah berkembang dan memainkan peranannya sebagai bahasa antarabangsa, bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perdagangan, bahasa dalam pemikiran dan falsafah falsafah dan sebagainya. Pada waktu itu bahasa Melayu begitu agung sebagai *lingua franca* dan keagungannya diiktiraf oleh penjajah sehinggalah penjajah kemudiannya menghancurkan bahasa Melayu sehingga bahasa Melayu kurang berfungsi dan lemah dalam pelbagai perkara. Melalui perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824 terjadinya pemisahan wilayah pentadbir antara Malaysia dan Indonesia dan ini mengakibatkan bahasa Melayu semakin lemah sedangkan bahasa Melayu sebelum ini tiada sempadan wilayah pentadbiran antara kedua-dua buah negara.

Menjelang kemerdekaan Malaysia bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa Kebangsaan dan berfungsi sebagai bahasa rasmi negara merdeka. Sehinggalah abad ke-20 bahasa Melayu melalui pelbagai onak dan duri dalam perkembangannya dan dalam era global ini bahasa Melayu telah diamanahkan agar menjadi salah satu bahasa utama dunia. Amanah ini telah digalas oleh Universiti Malaya melalui Jabatan Bahasa Melayu (JBM), Akademi Pengajian Melayu (APM) untuk menginternasionalkan bahasa Melayu di negara-negara yang mempunyai potensi mengembangkan bahasa ini. Dalam makalah ini akan dibincangkan usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh JBM dalam mengembangkan bahasa Melayu di China, Singapura, Thailand dan Singapura. Sehingga kini bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang



sangat penting di China dan Singapura dan bilangan pelajar dari tahun ke tahun semakin bertambah. Di samping itu, permintaan daripada universiti-universiti di China untuk mengadakan MOU dan MOA bertambah setiap tahun kerana permintaan terhadap graduan bahasa Melayu begitu tinggi sekali.

## 1. Pendahuluan

Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada bahasa yang paling ramai penuturnya dan dianggarkan penuturnya berjumlah 300 juta orang yang merangkumi penutur di negara-negara ASEAN dan beberapa buah negara lain. Bahasa Melayu mempunyai sejarah yang cukup menarik apabila diteliti susur galurnya yang bermula pada abad ke-7 Masehi lagi. Bahasa Melayu sehingga kini berperanan penting sebagai wahana penyampaian ilmu, falsafah, perundangan, sains dan teknologi dan pelbagai fungsi lainnya.

Dalam makalah ini akan dibincangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam menyebarkan bahasa Melayu di negara-negara Asia Tenggara dan juga negara-negara lain. Usaha menginternasionalkan bahasa Melayu telah mencapai kejayaan yang

boleh dibanggakan, terutamanya di Cina. Juga dalam makalah ini akan disentuh faktor-faktor yang menyebabkan bahasa Melayu begitu laris di pasaran Cina dan juga negara lain.

## 2. Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu<sup>1</sup>

Berdasarkan bukti-bukti sejarah bahasa Melayu pertama kalinya digunakan oleh anggota masyarakat berdasarkan bukti-bukti prasasti di Sumatera<sup>2</sup>. Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah digunakan seawal abad ketujuh oleh kerajaan maritime sebagai bahasa utama dan juga bahasa komunikasi dalam kalangan mereka. Pada waktu itu bahasa Melayu telah menerima pengaruh bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Melayu kerana keperluan memperkayakan bahasa Melayu. Seiring dengan itu, kosa kata bahasa Melayu banyak yang dipinjam dari pada bahasa Sanskrit<sup>3</sup>.

<sup>1</sup> Lihat <http://sejarahperkembanganbm.blogspot.com> yang termuat banyak fakta tentang sejarah perkembangan bahasa Melayu sehingga negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Blog ini adalah usaha yang saya lakukan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa bahasa Melayu sebenarnya sebuah bahasa yang cukup agung pada suatu waktu dahulu.

<sup>2</sup> Empat bukti batu bersurat tersebut ditemui di Talang Tuwo, Kedukan Bukit, Kota Kapur, dan Karang Brahi.

<sup>3</sup> Kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menerima 677 patah perkataan daripada bahasa Sanskrit yang mencakupi 21 bidang. Lihat M.A.J. Beg, *Indo-Sanskrit Loan Words in Malays*



Bahasa Melayu dari abad ketujuh kemudiannya berkembang sehinggalah abad ketiga belas apabila pengaruh yang paling berwibawa dan mengubah struktur serta ideologi masyarakat di Asia Tenggara, iaitu pengaruh Islam mula tiba<sup>4</sup>. Kedatangan Islam telah membawa satu perubahan besar bukan sahaja kepada masyarakat dan juga pemerintahan tetapi juga terhadap bahasa Melayu. Dengan kedatangan Islam pengaruh Arab telah mula menyebar dalam masyarakat dan menjadi lebih kuat pengaruhnya berbanding dengan pengaruh Hindu sebelum ini. Ini kerana pada zaman Hindu raja atau pembesar merupakan golongan atasan dan mereka sahaja yang mempunyai dan memiliki kemahiran menulis dan sebagainya manakala masyarakat bawahan tidak memilikinya.

Sewaktu Islam mula meresap dalam masyarakat, pendakwah-pendakwah menumpukan penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat Istana. Dengan Islamnya seseorang raja maka seluruh rakyat akan memeluk Islam kerana mereka mengikut apa-apa yang dilakukan oleh raja mereka. Ini terbukti apabila raja Melaka diislamkan. Seluruh rakyat Melaka telah menerima Islam. Di

samping itu, kerajaan maritime yang menerima Islam akan berkembang pesat sebagai sebuah kerajaan maritime yang cukup agung, misalnya Aceh dan Melaka. Oleh itu, apabila islamisasi telah berlaku dalam masyarakat, perkara pokoknya ialah setiap orang Islam MESTI tahu membaca al-Quran kerana ia merupakan ajaran Islam. Mereka juga perlu mengenal huruf-huruf Arab untuk membaca doa-doa dan ayat-ayat tertentu sewaktu mereka bersembahyang. Ini menyebabkan mereka mempelajari bahasa Arab dan secara tidak langsung bahasa Melayu menggalas peranan penting ini.

Kemasukan pengaruh Islam telah menyebabkan masyarakat sudah boleh membaca dan seterusnya mereka boleh berkarya dengan penghasilan pelbagai karya sama ada bentuk hikayat, falsafah, undang-undang dan sebagainya. Bahasa Melayu waktu ini cukup penting dan menjadi alat komunikasi paling berwibawa sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia. Tiada sempadan politik yang memisahkan bahasa ini sehinggalah abad kesembilan apabila Perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824 menyebabkan kemusnahan dan kehancuran bahasa

<sup>4</sup> Teori kedatangan Islam ke Malaysia telah banyak dibincangkan oleh para sarjana dengan pelbagai teori mereka. Rumusannya Islam telah datang sama ada dari India, Cina atau dari Arab. Ketiga-tiga teori ini ada kekuatan dan bukti-bukti yang menyokong hujah mereka. Oleh itu, ketiga-tiga teori ini diterima tentang kedatangan Islam di Malaysia. Lihat S.q. Fatimi; *Islam Comes to Malaysia*



serumpun ini. Perjanjian inilah titik tolak ke arah kehancuran bahasa Melayu kerana sempadan politik antara Indonesia telah dibuat di Selat Melaka antara British yang menguasai Malaysia dan Belanda di Indonesia.

### **3. Bahasa Melayu zaman penjajah dan kemerdekaan**

Dengan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1521 bermulalah era kedatangan penjajah barat di Tanah Melayu pada waktu itu. Selepas itu Belanda pada tahun 1641 dan terakhir pula ialah penjajahan British. Kedua-dua penjajah terawal kurang memberikan kesan pada bahasa Melayu tetapi penjajah terkahir, terutama selepas Perang Dunia Kedua bahasa Melayu dalam masalah.

British mula menjejakkan kakinya dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786 dan kemudiannya Melaka dan Singapura pada tahun 1824 dengan termeterainya perjanjian dengan Belanda. Bermula dari tahun inilah peranan British di Tanah Melayu semakin hari semakin kuat sehinggalah Perang Dunia Pertama. Bagaimanapun dalam peperangan ini Tanah Melayu tidak terlibat dan kedudukan British tidak terganggu.

Dalam zaman ini bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa komunikasi

dan kebanyakan daripada pegawai British yang menjadi pentadbir ramai yang terlibat dengan penulisan dan kajian tentang bahasa, sastera dan budaya Melayu. Antara mereka yang cukup terkenal ialah *Winstedt, C.C. Brown, Wilkonson, Shellabear*, dan tokoh-tokoh lain. Banyak sekali kajian dan penelitian yang mereka lakukan dan sebahagian besar daripada mereka telah jatuh cinta dengan budaya dan bahasa Melayu pada waktu itu.

Keadaan ini berubah apabila tamat Peperangan Dunia II. Dalam peperangan ini British dimalukan oleh Jepun dan mereka tewas di Pasifik oleh suatu kuasa Asia yang selama ini dipandang rendah. Kekalahan mereka menyebabkan sikap dan dasar mereka terhadap bahasa Melayu berubah sama sekali. Mereka berpandangan bahawa bahasa merupakan satu-satunya alat yang perlu disekat daripada perkembangan dan akan mengancam kedudukan mereka di Tanah Melayu. Ini berdasarkan pemerhatian mereka terhadap Indonesia. Bahasa Meelayu yang digunakan telah menyebabkan masyarakat di negara tersebut bersatu dan menentang kemasukan semula Belanda di Indonesia selepas Perang Dunia II. Walaupun berlaku pertumpahan darah namun Belanda gagal menjajah semula Indonesia setelah tamat Perang Dunia II. British tidak mahu perkara ini berlaku di Malaya



pada waktu itu. Oleh itu, langkah terawal yang dilakukan adalah dengan menghantar pegawai-pegawai British baru yang tidak memahami budaya, bahasa dan adat istiadat orang-orang Melayu di Malaya. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk menyekat perkembangan bahasa Melayu kerana bahasa Melayu akan menyatupadukan masyarakat Melayu yang akan menuntut kemerdekaan kelak.

Apabila negara Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, iaitu 12 tahun selepas tamat Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu telah dipertanggungjawabkan dengan tugas yang cukup berat. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan berdasarkan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bahasa Melayu kemudiannya berkembang sehinggalah kini dan bahasa Melayu mampu merperkatakan apa jua bidang-bidang baru yang diperkatakan oleh bahasa lain, seperti bahasa Inggeris tentang teknologi maklumat dan sebagainya.

#### **4. Penyebaran Bahasa Melayu**

Sebagai bahasa pengantar pendidikan, bahasa Melayu bukan sahaja

digunakan disekolah-sekolah malah juga di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, sesetengah kursus masih lagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Sejak merdeka hingga tahun 1990-an bahasa Melayu kurang disebar di luar daripada Malaysia walaupun sesetengah universiti ada menawarkan kursus-kursus dalam bahasa Indonesia<sup>5</sup>. Pada waktu ini ramai yang menganggap bahawa bahasa Indonesia sama saja dengan bahasa Melayu walaupun dalam beberapa aspek terdapat perbezaan yang jelas.

Walaupun di Malaysia terdapat 20 buah (Institusi Pendidikan Tinggi Awam) IPTA namun hanya beberapa buah universiti sahaja yang memfokuskan bahasa Melayu sebagai korpus serta menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu. Setakat ini hanya Universiti Malaya di bawah Akademi Pengajian Melayu (APM) dengan Jabatan Bahasa Melayu (JBM) yang mempunyai program ini. Universiti lain ada yang menawarkan bahasa Melayu dengan Pendidikan atau bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada korpus kajian mereka. Oleh yang demikian, pengkhususan yang dilakukan oleh JBM yang hanya memfokuskan bahasa Melayu telah

<sup>5</sup> Program bahasa Indonesia bertebaran di seluruh dunia dan di mana-mana sahaja terdapat program bahasa, pasti ada bahasa Indonesia ditawarkan kepada penuntut-penuntut university berkenaan. Perkara ini belum lagi berlaku pada bahasa Melayu.



membolehkan usaha mengembangkan bahasa Melayu dilakukan di luar negara.

Sewaktu Naib Canselor Universiti Malaya Tan Sri Ghauth Jasmon memegang jawatan ini usaha lebih aktif telah digerakkan dan JBM telah diberikan kepercayaan untuk menggalas usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu hingga ke peringkat dunia. Menjelang tahun 2008 permintaan terhadap bahasa Melayu mula menampakkan minat yang tinggi dari pada negara-negara tertentu, Negara Cina misalnya mula mengorak langkah dengan menawarkan kursus bahasa Melayu oleh Beijing Foreign Studies University (BFSU). Bermula dengan BFSU menawarkan kursus bahasa Melayu, langkah ini telah diikuti oleh beberapa buah universiti lainnya dari Cina. Menjelang tahun 2010 beberapa buah universiti telah menandatangani Memorandum of Understanding (MOU) dan Memorandum of Aggrement (MOA) dengan pihak APM. Kini dalam jangka masa 5 tahun, iaitu dari tahun 2009 -2014 beberapa MOU dan MOA telah dibuat, antaranya :

- *Beijing Foreign Studies University, China*
- *Yunnan University of Nationalities, China*
- *Beihai College of Beihang University, China*

- *Tienjin Foreign Studies University, China*
- *Guangdong Foreign Studies University, China*
- *University Thammasad, Bangkok, Thailand*
- *Wailalak University, Nakhorn Srithammarad, Thailand*

Beberapa buah universiti lain yang sedang dalam proses menandatangani MOU dan MOA antaranya:

- *Yala Rajabhat University, Thailand*
- *Guangxi University, China*

Dalam jangka masa yang singkat permintaan terhadap bahasa Melayu dari negara Cina meningkat begitu mendadak sekali. Bilangan *outbound student* dan *inbound student* telah bertambah. Kedatang pelajar dari Cina ke APM meningkat dari tahun ke tahun dan berterusan hingga kini.

Persoalannya kenapa dalam jangka masa 5 tahun sahaja kedatangan pelajar asing ke AMP, UM meningkat dan bertambah dari tahun ke tahun? Terdapat banyak faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku dan di bawah ini akan dibincangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JBM, APM dan juga UM untuk menarik kedatangan pelajar-pelajar asing, terutama yang mengambil kursus bahasa Melayu.



## 5. Penginternasionalan bahasa Melayu

Usaha untuk menginternasionalkan bahasa Melayu bukanlah satu usaha yang mudah, terdapat banyak faktor dalaman dan juga luaran yang saling bertindih dan memainkan peranan penting dalam hal ini.

### 5.1 Faktor-faktor Dalaman

Dalam faktor dalaman ini terdapat banyak perkara yang berkaitan yang menyumbang kejayaan bagi mengadakan MOU dan MOA. Antaranya faktor:

#### a) Kedudukan Ranking UM

Universiti Malaya merupakan universiti yang tertua di Malaysia dan sejak penubuhannya di Singapura dan kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur UM telah melahirkan puluhan ribu graduan. Di samping itu, UM juga mempunyai kedudukan ranking ke 151<sup>6</sup> pada taraf dunia dan paling utama di Malaysia. Faktor ini menyebabkan pihak luar memandangi tinggi pada

UM dan JBM merupakan satu-satunya yang menawarkan program Bahasa Melayu. Ini telah menarik minat universiti luar untuk mengadakan hubungan dengan UM. Selain itu, UM merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai ISO untuk seluruh universiti sama ada dalam pengajaran, penyelidikan, dan sebagainya. Dengan adanya ISO secara keseluruhan ini merupakan pemangkin yang menarik minat pihak luar<sup>7</sup>.

Tahun	Ranking dunia	Ranking Asia
2012	156	
2013	167	33
2014	151	32
2015		29

Kedudukan UM dalam Ranking Dunia dan Asia

#### b) Sokongan Padu Naib Canselor/Rektor/Presiden

Faktor dalaman yang paling penting ialah sokongan dan dorongan yang kuat daripada Naib Canselor atau Rektor sesebuah universiti. Faktor ini amat penting kerana tanpa sokongan daripada mereka mustahil perkara ini

<sup>6</sup> Dalam tahun 2014/2015 UM berada pada kedudukan 151 pada tahap university terbaik dunia dan pada kedudukan ke 29 di Asia. Lihat <http://www.topuniversities.com/node/4152/ranking-details/asian-university-rankings/2015> dan <http://www.topuniversities.com/node/4152/ranking-details/world-university-rankings/2013>

<sup>7</sup> Pelajar-pelajar Singapura ramai yang berada di APM sejak tahun 1989 lagi dan mereka hanya dibenarkan menyambung ijazah pertama mereka di UM sahaja. Kementerian Pendidikan Singapura tidak mengiktiraf ijazah daripada university lain. Pengkhususan hanya dihadkan pada Bahasa Melayu sahaja tetapi kini bidang kesusasteraan telah dibuka untuk pelajar Singapura. Sehingga kini ratusan orang pelajar Singapura telah mendapat ijazah dalam bahasa Melayu. Kebanyakan daripada mereka merupakan bekas guru di Singapura. Pembiayaan mereka ditampung oleh Kementerian Pendidikan Singapura.



akan berlaku. Sokongan kuat bukan sahaja dari aspek moral malah aspek-aspek lain juga perlu. Ini kerana sekiranya Naib Canselor/Rektor telah memberikan lampu hijau sudah pasti perkara ini lebih mudah dilakukan. Selain itu, sokongan daripada Naib Canselor/Rektor amat penting kerana MOU antara dua buah universiti akan ditandatangani oleh mereka. Sekiranya tidak ada sokongan sudah pasti sukar untuk menjalin hubungan antara dua buah universiti. Apabila Naib Canselor UM, iaitu Tan Sri Ghauth Jasmon memegang jawatan tersebut sokongan dalam usaha ini amat kuat sehingga banyak MOU dapat ditandatangani oleh pihak UM dengan universiti luar bukan sahaja untuk bahasa Melayu malah bidang-bidang lain juga dibuat. Kini, apabila Naib Canselor baru mengambil alih jawatan tersebut, sokongan yang berterusan telah dilakukan malah ada perancangan agar bahasa Melayu menjadi bahasa dunia. Rektor/President universiti luar juga memainkan peranan penting dalam menggerakkan persefahaman antara dua buah universiti. President Universiti *YUNN, Guangdong, Beihai dan Yala Rajabath* misalnya merupakan antara Presiden universiti luar yang begitu proaktif terhadap program ini.

**c) Peruntukan Dana yang besar**

Universiti Malaya memperuntukkan dana yang cukup besar dalam

usaha mengadakan hubungan dengan pihak universiti luar negara. Ini kerana usaha-usaha yang dibuat seperti perbincangan dengan universiti tertentu memerlukan kos yang tinggi. Bagaimanapun, dana yang diberikan dalam usaha mengadakan kerjasama antara dua buah universiti akan mendatangkan hasil yang cukup baik. Tanpa dana yang diperuntukan, sudah pasti usaha menjalin kerjasama antara dua buah universiti tidak akan tercapai. Dana yang diperuntukkan bukan sahaja bagi mengadakan MOU dan MOA malah ia mencakupi Program Pertukaran Pensyarah antara universiti. Dalam usaha ini JBM telah mengadakan program ini dengan Universiti Thammasad, Bangkok, Yunnan University of Nationalities, dan Beihai Colledge of Beihang University, Cina selama 2 tahun. Dengan adanya program seumpama ini, pemantuan dan juga pengajaran dapat dibuat agar pengajaran bahasa Melayu berjalan dengan lancar.

**d) MOU dan MOA Menguntungkan Kedua-dua Pihak**

Untuk mengadakan kerjasama antara dua buah universiti, MOU dan MOA perlu ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. MOU ialah persetujuan antara universiti dengan universiti manakala MOA adalah persetujuan antara fakulti dengan fakulti. Dengan adanya MOA pelbagai



keperluan universiti luar akan dibincangkan dan yang paling penting ialah persefahaman antara fakulti. Perkara pokoknya ialah istilah “mutual reciprocal”, iaitu apa-apa kemudahan yang diberikan kepada pelajar luar yang datang ke APM akan diberikan kepada pelajar APM ke universiti tersebut. Konsep ini diguna pakai dalam apa jua perkara seperti perbelanjaan, kemudahan asrama, yuran pengajian dan sebagainya. Dengan adanya usaha ini pasti akan menguntungkan para pelajar dan juga universiti yang terlibat dalam program ini.

Selain itu, konten persefahaman antara kedua-dua buah fakulti adalah berdasarkan keperluan universiti luar negara dan JBM sebagai mewakili UM akan melihat keperluan yang dikehendaki oleh universiti luar negara. Setiap universiti mempunyai keperluan yang berlainan antara satu sama lainnya. Misalnya, Yunnan University of Nationalities mahukan program bahasa Melayu yang khusus dan modelnya 3 + 1 dan lebih daripada 70% kandungan programnya adalah kursus bahasa Melayu manakala Beihai Colledge Beihang hanya mahukan kursus-kursus bahasa Melayu yang bersifat kursus elektif. Kepelbagaian permintaan daripada universiti luar negara merupakan satu cabaran besar bagi jabatan dan segala permintaan tersebut setakat ini dapat dipenuhi.

#### **e) Kandungan MOA Lebih Khusus**

Kandungan setiap MOA antara universiti yang terlibat dalam kerjasama dengan APM dirangka berdasarkan persetujuan bersama. Bagaimanapun, umumnya perkara pokok yang dipersetujui bersama adalah seperti berikut:

- i) Pertukaran pelajar antara universiti
- ii) Program inap desa (home stay)
- iii) Yuran yang terlibat
- iv) Kos pengangkutan
- v) Kos penginapan
- vi) Kos-kos lain yang terlibat

Segala kandungan yang terdapat dalam MOA mesti dipersetujui bersama dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Tidak ada satu pun pihak yang mendapat kelebihan manakala satu lagi pihak mengalami kerugian. MOA biasanya ditandatangani untuk tempoh 5 tahun dan sebelum MOA boleh diperbaharui, MOU perlu diteruskan kemudian diikuti oleh MOA. Kedua-dua belah pihak boleh menyambung atau menamatkan perjanjian ini sekiranya ada persetujuan bersama. Majlis menandatangani MOU dan MOA akan dibuat berdasarkan persetujuan bersama sama ada di UM atau di universiti luar negara. Berdasarkan pengalaman JBM, kebanyakan MOA yang telah dibuat akan diteruskan kerana kedua-



dua belah pihak mendapat kelebihan daripada program pertukaran pelajar.

#### f) Komitmen Tinggi JBM

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab untuk mengembangkan bahasa Melayu pada peringkat luar negara cabaran yang tinggi memang dirasakan. Namun, usaha dan komitmen yang tinggi dalam kalangan staf JBM membolehkan pelbagai permintaan tentang bahasa Melayu dipenuhi oleh jabatan walaupun bilangan staf JBM hanya 5 orang sahaja. Walaupun bilangan kakitangan yang cukup rendah namun pelbagai program bahasa Melayu berjaya dikembangkan pada peringkat global. Satu lagi faktor yang tidak dapat dikesampingkan ialah sokongan padu daripada Pengarah APM seperti Datuk Zainal Abidin Borhan dan juga Prof. Dr. Muhammad Mokhtar Abu Hassan. Sokongan pengarah amat penting kerana tanpa sokongan mereka pasti JBM akan menghadapi masalah untuk mengadakan kerjasama dengan universiti luar negara.

#### g) Pengecualian Yuran

Salah satu faktor penarik yang menyebabkan ramai pelajar luar

negara ke UM disebabkan polisi UM yang mengecualikan yuran pengajian kepada pelajar-pelajar asing selama satu semester<sup>8</sup>. Yuran-yuran lain seperti yuran asrama, yuran pengangkutan, bayaran kad metrik dan lain-lainnya dibayar oleh para pelajar. Ini menyebabkan hanya bayaran kecil sahaja yang ditanggung oleh pelajar asing. Usaha yang diambil oleh pihak UM ini telah menyebabkan bilangan pelajar asing bertambah dari tahun ke tahun. Di APM sahaja bilangan pelajar asing pada tahun 2009-2014 berjumlah 249 orang dengan pecahannya seperti berikut:

Nama Universiti	Bilangan pelaja dari tahun 2009 - 2014
Beijing Foreign Studies University, Cina	59
Guangxi University of Nationalities, China	38
University of Wailalak, Thailand	29
Beihai College of Beihang University, China	21
Yunnan University of Nationalities, China	95
Hankuk University of Foreign Studies, Korea	3
University of Konstans, German	2
Kanda University of International Studies, Jepun	2
<b>JUMLAH</b>	<b>249</b>

Pada sesi 2015/2016 bilangan pelajar dari BFSU, GUN dan YUNN berjumlah 60 orang akan mengikuti kursus bahasa Melayu di JBM.

#### 5.2 Faktor-faktor Luaran

Faktor luaran juga berperanan dalam usaha membantu kemasukan

<sup>8</sup> Dasar UM bagi pelajar asing ialah mereka boleh berada di UM selama 2 semester sahaja dan tidak lebih daripada itu. Mereka diwajibkan mendapatkan visa daripada pihak Imigresyen Malaysia dengan diuruskan oleh International Student Centre (ISC).



pelajar asing, terutama pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di JBM, APM. Antara faktor luaran tersebut adalah seperti yang berikut:

**a) Hubungan dengan Cina**

Faktor ini juga berperanan penting dalam usaha mempengaruhi kedatangan pelajar asing, terutama dari Cina. Malaysia mempunyai hubungan yang cukup intim sejak kebelakangan ini. Apabila Perdana Menteri Malaysia membuat hubungan diplomatik dengan Cina pada tahun 1970-an hingga kini keakraban antara dua buah negara semakin jelas. Bagi Cina UM amat penting dan dapat membantu mereka melahirkan tenaga pekerja yang diperlukan oleh negara mereka. Apabila BFSU, iaitu sebuah universiti yang cukup terkenal di Beijing mengadakan hubungan dengan UM dan khususnya APM, ini telah membuka mata banyak pihak di Cina. Graduan daripada universiti ini telah mendapat pekerjaan dengan cukup baik dan tahun demi tahun bilangannya bertambah. Ini menyebabkan universiti lain di Cina mahu mencontohi langkah yang telah diambil oleh BFSU.

Keadaan ini menambah minat universiti lain di Cina apabila Perdana Menteri Cina, iaitu — telah datang ke UM terus dari KLIA bagi merasmikan hubungan UM dengan Cina. Ini

telah membuka mata banyak pihak kerana sebelum ini perkara seperti ini tidak pernah berlaku. Sudah pasti UM begitu istimewa sehingga Perdana Menteri Cina datang UM.

APM juga telah mendapat anugerah khas daripada kerajaan Cina sempena 40 tahun hubungan Malaysia – Cina. Duta Cina ke Malaysia telah menyampaikan anugerah tersebut. Anugerah ini telah melonjakkan nama APM dalam kalangan universiti di Cina. Ini kerana tidak mudah kerajaan Cina memberi anugerah pada sebuah fakulti/akademi dalam sebuah universiti di Malaysia. Anugerah bagi universiti memang bisa tetapi perkara yang berlaku ini luar biasa. Anugerah diberikan kerana sumbangan besar JBM di APM dalam mengembangkan bahasa Melayu di Cina.

**b) Alumni UM di luar Negara**

Disebabkan UM merupakan universiti tertua di Malaysia, graduannya dari dalam dan luar negara begitu ramai dan bertebaran di merata ceruk rantau. Ini menyebabkan bahasa Melayu mudah disebarkan kerana sebahagian besar daripada graduan UM ada yang menjadi pensyarah di universiti-universiti terkemuka. Di Bangkok misalnya, pensyarah atau Ketua Jurusan bahasa Melayu terdiri daripada alumni APM, terutama dari JBM. Universiti Chulalongkorn,



Universiti Thammasad, Universiti Ramkhamheng, dan Universiti Kassimbandit adalah contoh universiti di Bangkok yang mempunyai graduan dari JBM, APM. Dengan adanya mereka jalinan hubungan mudah dilakukan.

### c) Kepentingan Ekonomi Cina

Negara Cina merupakan salah sebuah daripada gergasi ekonomi dunia dan kebanyakan negara ASEAN mempunyai hubungan perdagangan dengan negara ini. Hubungan perdagangan di Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand dan negara-negara lain menyebabkan banyak industri ditempatkan di negara-negara tersebut. Di Malaysia misalnya banyak sekali syarikat Cina yang menjalan aktiviti ini dengan ratusan pekerja tempatan dan juga dari negara Cina sendiri. Oleh itu, syarikat-syarikat perdagangan ini mencari pekerja-pekerja mereka yang tahu berbahasa Melayu kerana negara-negara yang dinyatakan di atas menggunakan bahasa Melayu selain bahasa Inggeris dan Mandarin. Keperluan graduana Cina yang boleh berbahasa Melayu begitu tinggi di Cina, terutama di Yunnan, Beihai, Beijing dan

Guangdong. Ini tidak termasuk Shanghai, dan Tienjin kerana wilayah-wilayah ini merupakan wilayah yang ekonominya berasaskan industri. Situasi ini menyebabkan graduan yang mempunyai kelayakan bahasa Melayu akan terus diambil untuk bekerja dengan syarikat-syarikat tertentu.

Dalam sesetengah kes seseorang pelajar itu telah *dibooking/ ditempah* walaupun masih berada pada tahap akhir pengajian mereka. Di Guangdong pula pihak industri akan memaklumkan kepada universiti bilangan graduan bahasa Melayu yang diperlukan untuk bekerja dengan syarikat mereka<sup>9</sup>. Ini menyebabkan pihak universiti akan membuat pengambilan berdasarkan permintaan industri pekerjaan. Perkara yang sama juga berlaku di BFSU di Beijing. Dalam kes-kes tertentu pihak industri memberi sumbangan yang besar dalam aktiviti program bahasa Melayu yang dilakukan di universiti. Oleh yang demikian, permintaan yang tinggi terhadap graduan lulusan bahasa Melayu serta dengan gaji yang cukup lumayan menyebabkan banyak universiti membuat program bahasa Melayu dan seterusnya mengadakan hubungan dengan APM, UM.

<sup>9</sup> Quandong Foreign Studies University baru sahaja mengadakan program bahasa Melayu dan universiti ini telah membuat MOU dan MOA dengan UM dan APM. Semasa majlis menandatangani MOA itu kami dimaklumkan bahawa pihak industri di sana mahukan ramai lepasan bahasa Melayu daripada universiti ini untuk diserapkan dalam pelbagai bidang pekerjaan.



#### d) Pasaran Graduan Yang Tinggi

Setakat ini, graduan asing yang mengambil bahasa Melayu kesemuanya telah mendapat pekerjaan. Mereka bukan sahaja berada di negara mereka malah ditempatkan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia. Syarikat telefon bimbit seperti *Xiaomi*, *Oppo*, *Lenovo* dan *Huawei*, dan *Bank of China* serta syarikat-syarikat lain telah mengantar graduan-graduan ini di merata tempat. Dengan mengambil graduan ini pihak syarikat dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu melatih mereka sebaliknya kelayakan graduan ini digunakan bagi kepentingan syarikat mereka di luar Cina. Ini merupakan satu kelebihan yang ada pada pelajar yang mengambil bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain.

#### 6. Rumusan

Makalah yang serba ringkas ini menjelaskan bahawa sekiranya terdapat usaha yang gigih dan berterusan bahasa Melayu boleh menjadi bahasa antarabangsa. Ini kerana bahasa Melayu bukanlah bahasa yang rendah martabatnya sebaliknya mempunyai sejarah keagungan berbanding dengan bahasa-bahasa lain waktu itu. Usaha yang dilakukan oleh JBM, APM, UM adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa

pada suatu hari nanti. Persoalannya sekarang tepuk dada tanyalah selera kita. Wassalam.

#### BIBLIOGRAFI

- a) Ab.Razak Ab.Karim, 2015. *Bicara Bahasa*. Gabungan Guru-guru Singapura: Singapura
- b) -Beg, M.A.J. 1981. *Indo-Sanskrit Loan Words in Malay*, Kuala Lumpur: Champion Printers Sdn. Bhd.
- c) —————.1983. *Arabic Loan Words in Malay – A Comparative Study*. Kuala Lumpur:University Malay Press
- d) Buku Panduan Ijazah dasar sesi 2014/2015. Akademi Pengajian Melayu; Universiti Malaya
- e) Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- f) Laporan Pertukaran Pensyarah ke Yunnan University of Nationalities, Kunming, China pada 6 Mac -23 Mac 2011
- g) Laporan Kursus Major Bahasa Melayu di Yunnan University of Nationalities pada 24 Kulai 2010 – 31 Julai 2010.
- h) Laporan Perbincangan MOU dan MOA antara Wakil APM, UM dan Wakil Beihai College of Beihang University (BCBU), China, pada 14 Jun 2011 -17 Jun 2011,



- i) Laporan Perbincangan antara APM, UM dan Kanda University of International Studies, Chiba, Tokyo, Jepun pada 18 Jun -22 Jun 2012.
- j) Laporan Perbincangan MOU dan MOA antara Waki APM, UM dan Wakil Yala Rajabhat University (YRU), Thailand.
- k) Laporan Mesyuarat Lembaga Akademi Pengajian Melayu 2014.
- l) Perlembagaan Persekutuan. International law Book Services
- m) Sejarah perkembanganbm. blogspot.com